

Menyebarkan budaya Melayu dalam pesawat

Syarikat penerbangan patut terapkan anak kapal adab sebagai identiti bangsa



TEO KOK SEONG

Nampaknya masyarakat Melayu dan Muslim di Malaysia gembira sekali apabila ada syarikat penerbangan yang mahu bersifat patuh syariah. Dengan adanya perasaan sebegini, sesetengah syarikat penerbangan tempatan didapati mula mengamalkan sesetengah ciri ini. Antaranya, doa perjalanan mengikut hukum Islam dipaparkan pada skrin sebelum penerbangan dimulakan.

Sebelum ini, tidak dapat dinafikan syarikat penerbangan kita, yang walaupun beroperasi di dalam negara untuk rakyat Malaysia sahaja, menggunakan amalan penerbangan antarabangsa sepenuhnya. Ini jelas kelihatan pada beberapa hal, termasuk komunikasi yang dikendalikan anak kapal dalam bahasa Inggeris ketika melayan penumpang, sama ada ketika menghidangkan minuman dan makanan ataupun memberi taklimat kepada penumpang yang duduk berhampiran pintu kecemasan.

Sebetulnya, anak kapal ini perlu menggunakan kebijaksanaan ketika menjalankan tugas dan bukan mengikut arahan secara membuta tuli, khususnya ketika berkomunikasi dengan rakyat tempatan yang didapati kurang berpendidikan. Sudah tentu bahasa Inggeris yang digunakan itu tidak akan difahami dengan baik oleh penumpang sebegini.

Bukti jati diri

Natijahnya di sini ialah kita hendaklah mengutamakan budaya kita, lebih-lebih lagi apabila berurusan dengan rakyat Malaysia. Dalam soal komunikasi, sudah tentu bahasa Melayu yang menjadi bahasa negara perlu digunakan anak kapal pada setiap masa. Ini penting bukan sahaja memperlihatkan bahawa kita mempunyai jati diri yang kental, tetapi mewujudkan komunikasi dua hala yang berkesan agar hajat dan maksud kedua-dua pihak dapat difahami sejelajelasnya.

Seperkara lain yang penting ialah warisan budaya Melayu hendaklah diamalkan anak kapal pada setiap masa, lebih-lebih lagi ketika berurusan dengan penumpang tempatan. Malangnya ini jarang berlaku, malah tidak berlaku langsung, walaupun ketika anak kapal Melayu berurusan dengan penumpang Melayu. Sehubungan ini, sering kali didapati anak kapal Melayu ketika menghidang, iaitu dalam menghulurkan minuman dan makanan kepada penumpang sasaran, melakukannya di atas kepala penumpang lain, sama ada Melayu atau bangsa lain.

Perbuatan begini sudah tentu tidak selari dengan budaya Melayu yang melarang sesuatu tindakan dilaksanakan dekat dengan kepala seseorang, apatah lagi di atas kepalanya. Ini terbukti apabila masyarakat

Melayu terlebih dahulu melafazkan ungkapan 'atas kepala' yang menjadi semacam permintaan atau pemberitahuan, sebelum tindakan itu hendak dilakukan.

Dalam budaya Melayu kepala itu adalah anggota badan yang dianggap kudus dan tidak boleh disentuh sebarang, kecuali pihak tertentu yang bersabit, antaranya tukang gunting dan ketika kecemasan sahaja. Ia juga cuba dielakkan daripada apa jua tindakan dilakukan yang berhampiran dengannya.

Jaga adab Melayu

Dalam kes penerbangan, anak kapal perlu memastikan minuman dan makanan tidak dihidang dan sampah tidak dikutip di atas kepala penumpang. Ini bukan sahaja untuk menjaga adab Melayu itu, tetapi lebih praktikal lagi agar sisa yang dikutip serta minuman dan makanan yang dihidangkan tidak terjatuh atau tertumpah ke atas kepala penumpang dan badannya, sama ada kerana kecuaiannya anak kapal atau ketika berlaku gegaran pada pesawat.

“**Malangnya ini jarang berlaku, malah tidak berlaku langsung, walaupun ketika anak kapal Melayu berurusan dengan penumpang Melayu**”

Dalam mematuhi syariah, penggunaan tangan kanan dianggap bukan sahaja sopan, tetapi harus dalam menuruti ajaran Islam, ketika menghidang dan lain-lain, termasuk dalam memberi dan mengambil sesuatu. Walaupun begitu, perbuatan menggunakan tangan kanan juga tidak banyak berlaku dalam kalangan anak kapal, walaupun daripada kalangan Melayu sendiri.

Mungkin dalil yang akan diberikan dalam hal ini ialah praktikaliti, kepragmatikan dan realisme, iaitu cara paling sesuai melakukan sesuatu, melakukan sesuatu berdasarkan keadaan semasa tanpa terikat kepada mana-mana cara dan menerima sahaja cara yang dilakukan dalam sesuatu keadaan itu. Namun, dalam keadaan tidak cemas, budaya Melayu yang ikut adalah cara negara selepas dipersetujui semua kaum dalam Perjanjian Etnik ketika kemerdekaan, perlu diamalkan dalam semua skema negara.

Dengan ini, lambang dan proses sosiobudaya Melayu hendaklah ikut digunakan setiap syarikat penerbangan kita dalam urusannya. Oleh itu, ia hendaklah juga menyebarkan budaya Melayu kerana sebagai identiti negara ini dalam erti kata setiap satunya adalah kemegahan kita semua, ia perlu mempamerkan keterikatannya kepada Malaysia pada setiap masa, khususnya dalam hal sosiobudaya ini.



Penulis

ialah Profesor di **Universiti Kebangsaan Malaysia** dan EXCO Majlis Profesor Negara